

MENJAUHI PERKARA KHILAFIAH YANG MEMECAH

BELAHKAN UMMAH

12 OGOS 2022 / 14 MUHARAM 1444H

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنُسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا.

مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يُضِلِّهِ فَلَا هَادِيَ لَهُ.

وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ،

فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ وَأَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa-Ta'ala dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati Allah Subhanahu wa-Ta'ala di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala

Khilaf, atau ikhtilaf, secara umumnya bermaksud perselisihan pendapat. Walau pun sebahagian ulamak memberikan takrif berbeza antara khilaf dan ikhtilaf, tetapi maksud umumnya tetap sama.

Dalam Sahih Muslim, diriwayatkan bahawa Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi wa Sallam pernah berdoa 3 perkara untuk umatnya. Dua diterima, sementara satu ditolak. Yang diterima ialah supaya umat baginda tidak mati dalam kebuluran dan lemas. Yang ditolak, ialah supaya umat baginda tidak bermusuhan sesama mereka.

Sudah tentu, terdapat hikmah mengapa Allah Subhanahu wa Taala tidak menerima permohonan baginda Sallallahu Alaihi wa Sallam agar umat Islam tidak bermusuhan sesama sendiri. Firman Allah Subhanahu wa Taala dalam Surah Hud ayat 118 hingga 119:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
وَلَوْ شَاءَ رَبُّكَ لَجَعَلَ النَّاسَ أُمَّةً وَاحِدَةً ^ص وَلَا يَزَالُ الَّذِينَ مُمْتَلِكِينَ ^ج إِلَّا مَن رَّحِمَ رَبُّكَ وَلِذَلِكَ خَلَقَهُمْ ^ق وَتَمَّتْ
كَلِمَةُ رَبِّكَ لَأَمْلَأَنَّ جَهَنَّمَ مِنَ الْجِنَّةِ وَالنَّاسِ أَجْمَعِينَ ^{١١٩}

Yang bermaksud: *Dan kalaulah Tuhanmu (wahai Muhammad) menghendaki, tentulah Ia menjadikan umat manusia semuanya menurut agama yang satu. (Tetapi Ia tidak berbuat demikian) dan kerana itulah mereka terus-menerus berselisihan. Tetapi orang yang telah diberi rahmat oleh Tuhanmu, (mereka bersatu dalam agama Allah); dan untuk (perselisihan dan rahmat) itulah Allah menjadikan manusia. Dan dengan yang demikian sempurnalah janji Tuhanmu: "Sesungguhnya*

Aku akan memenuhi neraka jahanam dengan sekalian jin dan manusia (yang berdosa).

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala

Dalam ayat ini, Allah Subhanahu wa Taala menjelaskan bahawa manusia terbahagi kepada *ahlul ikhtilaf*, iaitu mereka yang sentiasa berselisih pandangan tanpa henti dan akhirnya mengheret kepada permusuhan dan kesesatan, dan yang kedua *ahlur rahmah* iaitu mereka yang bersatu dengan agama yang benar dengan menjadikan perbezaan pendapat dengan cara yang baik iaitu berlapang dada dalam perkara khilafiah (perselisihan pendapat).

Sejak kebelakangan ini, agak menyedihkan apabila perkara khilafiah (perbezaan pendapat) dalam cabang agama dibahaskan secara terbuka seperti membaca Yassin dan bertahlil malam Jumaat, solat sunat sebelum Jumaat, membaca Qunut, talkin, melafaz niat solat, berwirid dan berdoa selepas solat beramai-ramai, solat hajat berjemaah dan lain-lain.

Perbahasan secara terbuka ini boleh menyebabkan orang awam terus berpecah-belah. Perkara-perkara ini adalah antara amalan sunat yang tidak diwajibkan untuk melaksanakannya tetapi boleh diamalkan di Negeri Pahang. Mana-mana individu yang mengajar serta mempertikaikan amalan khilafiah ini dan menganggap ianya bidaah yang menyesatkan dan sia-sia adalah menjadi satu

kesalahan dan boleh didakwa di mahkamah syariah kerana telah diputuskan oleh Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak Negeri Pahang serta telah diwartakan bahawa amalan-amalan khilafiah ini tidak ragu-ragu lagi boleh diamalkan serta mendapat ganjaran daripada Allah Subhanahu wa Taala.

Hayatilah pesanan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi wa Sallam supaya kita jangan membuka ruang perpecahan dalam perkara khilafiah sepertimana

Hadis yang diriwayatkan oleh Ibn Majah:

مَنْ تَرَكَ الْكَذِبَ وَهُوَ بَاطِلٌ بُنِيَ لَهُ قَصْرٌ فِي رَبَضِ الْجَنَّةِ وَمَنْ تَرَكَ الْمِرَاءَ وَهُوَ مُحِقٌّ بُنِيَ لَهُ فِي وَسْطِهَا وَمَنْ حَسَّنَ حُلُقَهُ بُنِيَ لَهُ فِي أَعْلَاهَا

Yang bermaksud: *“Barang siapa yang meninggalkan pendustaan walaupun dia di pihak yang batil, akan dibina untuknya istana di pinggiran syurga. Dan barang siapa yang meninggalkan perdebatan sedangkan dia berada di pihak yang benar, akan dibina untuknya istana di tengah syurga. Dan sesiapa yang baik akhlaknya, akan dibina istananya di puncak syurga.”*

Syeikh Jad al-Haq, mantan Syeikhul Azhar menasihatkan orang awam yang tiada kemampuan untuk berjihad, hendaklah menerima mazhab dalam sebuah negeri itu serta mengelakkan diri daripada perpecahan. Ikutilah keputusan fatwa di

Negeri Pahang ini, yang berteraskan pendapat muktamad daripada Mazhab Shafi'i sejak dahulu lagi.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala

Marilah kita bersama-sama mengambil pengajaran, bahawa perkara khilafiah iaitu perbezaan pendapat dan pandangan yang tidak terkawal akhirnya membawa perpecahan yang besar dalam kalangan umat Islam.

Sabda Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi wa Sallam dalam hadis yang diriwayatkan oleh Abu Daud:

فَإِنَّهُ مَنْ يَعِشْ مِنْكُمْ بَعْدِي فَسَيَرَى اخْتِلَافًا كَثِيرًا، فَعَلَيْكُمْ بِسُنَّتِي وَسُنَّةِ
الْخُلَفَاءِ الْمَهْدِيِّينَ الرَّاشِدِينَ، تَمَسَّكُوا بِهَا وَعَضُّوا عَلَيْهَا بِالنَّوَاجِدِ

Yang bermaksud: *“Sesungguhnya barang siapa yang hidup selepasku akan menyaksikan perselisihan yang banyak. Maka hendaklah kalian berpegang pada sunnahku dan sunnah al-Khulafa' al-Rasyidin yang mendapat petunjuk. Peganglah ia dengan kemas, gigitlah dengan gigi geraham kalian.”*

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَأَعْتَصِمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا وَاذْكُرُوا نِعْمَتَ اللَّهِ عَلَيْكُمْ إِذْ كُنْتُمْ أَعْدَاءً فَأَلَّفَ بَيْنَ قُلُوبِكُمْ
فَأَصْبَحْتُمْ بِنِعْمَتِهِ إِخْوَانًا وَكُنْتُمْ عَلَى شَفَا حُفْرَةٍ مِنَ النَّارِ فَأَنْقَذَكُمْ مِنْهَا كَذَلِكَ يُبَيِّنُ اللَّهُ لَكُمْ
آيَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تَهْتَدُونَ ﴿١٣﴾

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ. وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيمِ. وَتَقَبَّلَ اللَّهُ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا
وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاَسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ